



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PENGARUH INOVASI TEKNOLOGI, PERANAN PENTADBIR
DAN KESEDIAAN GURU TERHADAP PROFESIONALISME
KEGURUAN SEKOLAH LUAR BANDAR**

*THE INFLUENCE OF TECHNOLOGICAL INNOVATION, THE ROLE OF
ADMINISTRATORS AND THE READINESS OF ADMINISTRATORS AND THE
READINESS OF TEACHERS ON THE PROFESSIONALISM OF RURAL SCHOOL
TEACHING*

Muliyati Timbang^{1*}, Abdul Said Ambotang²

¹ Fakulti Pendidikan Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: muliyati7272@yahoo.com.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: Solat5@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.05.2020

Revised date: 21.07.2020

Accepted date: 09.09.2020

Published date: 12.09.2020

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh Inovasi Teknologi, Peranan Pentadbir dan Kesiediaan Guru terhadap Profesionalisme Keguruan Sekolah Luar Bandar di Sabah, Malaysia. Fokus kajian adalah berdasarkan rekabentuk inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesiediaan guru terhadap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. Kajian mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan teknik persampelan keberangkalian berstrata, kluster dan rawak mudah. Berpandukan Krejcie dan Morgan (1970), sample kajian terdiri daripada 346 orang guru yang bertugas di sekolah luar bandar di negeri Sabah. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi. Teori dan model yang digunakan sebagai panduan kajian antaranya ialah Teori penyebaran Inovasi, Teori TMK dan keterselesaian tugas, Teori pembelajaran sosial, Teori Maslow, Teori Bandura, Model Penggunaan Teknologi, Model TAM (*Technology Acceptance Model*) Model Professional Brante, Model Perubahan Organisasi, Model Kounin, Model Kepimpinan Servan Laub dan Teori Tingkah Laku Terancang. Analisis deskriptif yang digunakan ialah ujian min, kekerapan dan peratusan manakala ujian inferansi akan menggunakan ujian regrasi, Kolerasi Pearson, ujian-*t* dan ujian ANOVA sehalu. Analisis deskriptif menunjukkan semua variabel

To cite this document:

Timbang, M., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh Inovasi Teknologi, Peranan Pentadbir dan Kesiediaan Guru Terhadap Profesionalisme Keguruan Sekolah Luar Bandar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (36), 182-203.

DOI: 10.35631/IJEPC.5360014

diamalkan pada tahap tinggi. Ujian-*t* dan ANOVA sehalu membuktikan terdapat perbezaan skor min yang signifikan semua variabel berdasarkan jantina, umur dan pengalaman mengajar. Ujian Kolerasi Pearson pula menunjukkan wujud hubungan signifikan Inovasi Teknologi ($r=0.495$, $p<0.01$), Peranan Pentadbir ($r=0.536$, $p<0.01$), dan Kesiediaan Guru ($r=0.780$, $p<0.01$) dengan Profesionalisme Keguruan sekolah luar bandar di Sabah. Soalan kajian dianalisis menggunakan program *Stastical Package for the Social Science* (SPSS) version 22.0. Analisis laluan (SEM) menunjukkan kombinasi sumbangan variabel ketiga-tiga variabel bebas iaitu inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesiediaan guru terhadap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. Analisis laluan juga menunjukkan terdapat pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan variabel-variabel bebas dengan variabel bersandar. Kajian menyumbangkan satu Model Profesionalisme Keguruan sekolah luar bandar di Sabah baharu yang diadaptasi dan digabungkan bersama teori dan model terdahulu.

Kata Kunci:

Pengaruh Inovasi Teknologi, Peranan Pentadbir, Kesiediaan Guru, Dan Profesionalisme Keguruan

Abstract:

This study aims to identify the relationship and influence of Technology Innovation, Role of Administrators, and Teacher Readiness on Rural School Teaching Professionalism in Sabah, Malaysia. The focus of the study is based on the design of technological innovation, the role of administrators, and the readiness of teachers on the professionalism of rural school teaching in Sabah. The study applied survey methods by combining simple stratified, cluster, and random sampling techniques. Based on Krejcie and Morgan (1970), the study sample consisted of 346 teachers working in rural schools in the state of Sabah. Data were collected using a set of adaptation questionnaires. Theories and models used as study guides include Innovation dissemination theory, ICT theory and task solving, Social learning theory, Maslow theory, Bandura theory, Technology Use Model, TAM Model (Technology Acceptance Capital) Professional Brante Model, Organizational Change Model, Model Kounin, Servan Laub Leadership Model and Planned Behavior Theory. The descriptive analysis used is the mean, frequency, and percentage tests while the inference test will use the regression test, Pearson Correlation, t-test, and one-way ANOVA test. Descriptive analysis shows that all variables are practiced at a high level. One-way t-test and ANOVA proved that there was a significant difference in mean scores of all variables based on gender, age, and teaching experience. Pearson Correlation test showed a significant relationship between Technology Innovation ($r = 0.495$, $p < 0.01$), Role of Administrator ($r = 0.536$, $p < 0.01$), and Teacher Readiness ($r = 0.780$, $p < 0.01$) with Rural School Teacher Professionalism. at Sabah. Study questions were analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 22.0 program. Pathway analysis (SEM) shows the combination of the contribution of the three independent variables, namely technological innovation, the role of administrators, and the readiness of teachers on the professionalism of rural school teaching in Sabah. Path analysis also showed that there was a significant direct and indirect influence of independent variables with dependent variables. The study contributes to a New Model of Teacher Professionalism in rural schools in Sabah which has been adapted and integrated with previous theories and models.

Keywords:

The Influence Of Technology Innovation, The Role Of Administrators, Teacher Readiness, And Teacher Professionalism

Pendahuluan

Sistem pendidikan negara sering mengalami perubahan. Fenomena tersebut bagi memenuhi keperluan perubahan dan persekitaran pendidikan. Chan (2014) menyetujui kenyataan tersebut dengan menyatakan pelbagai perubahan dalam pendidikan di Malaysia disebabkan keperluan kepada pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke 21. Menurut Bartlett-Bragg (2010) menyenaraikan antara ciri-ciri guru abad ke 21, antaranya adalah guru perlu menguasai kandungan kurikulum, mahir dan berketerampilan dalam pedagogi ketika sesi pembelajaran berlangsung, memahami perkembangan murid dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling, bersedia, bekerjasama dengan pihak pentadbir dan menggunakan teknologi terkini dalam dan luar sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta pengurusan sekolah.

Warga sekolah khususnya guru seharusnya mengikuti arus pemodenan dan perkembangan kemajuan dalam pendidikan. Guskey, T. R & Sparks, D. (1991) dalam memberikan definisi mengenai sikap guru terhadap kemajuan pendidikan adalah mereka seharusnya meningkatkan profesionalisme keguruan. Profesionalisme guru bererti suatu usaha untuk proses menambah baik kemahiran dan kompetensi diri berdasarkan perubahan persekitaran bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan (Hassel, 2013).

Bagi menambah baik profesionalisme keguruan, Kerajaan Malaysia telah membelanjakan beribu-ribu ringgit untuk menyediakan dan membekalkan infrastruktur dan perkakasan teknologi (desktop, komputer, komputer riba, LCD projector, pencetak, CD courseware dan lain-lain) kepada semua sekolah di Malaysia untuk program Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Latihan perkembangan Profesionalisme Guru turut disediakan untuk melatih guru-guru menggunakan peralatan dan perkakasan teknologi serta *software* yang telah dibekalkan. Guru-guru juga telah didedahkan dengan menggunakan *software English Essential in Teaching and Learning* untuk pengurusan tugas sekolah dan *coraldraw* untuk menghasilkan bahan pengajaran dan pemudahcaraan, (PdPc). Dalam menghadapi era globalisasi, kerajaan telah berusaha mengembangkan dan mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang. Dengan terlaksananya projek *Multimedia Super Corridor* (MSC), sekali gus telah menempatkan Malaysia dalam hubungan global antara negara-negara maju di dunia.

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memaksimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam mentransformasikan masyarakat Malaysia kepada masyarakat bermaklumat *Knowledge based society*. Perubahan drastik ke arah masyarakat bermaklumat ini menimbulkan satu cabaran baru kepada bidang pendidikan. Pendidikan merupakan salah satu komponen yang sangat penting atau juga merupakan nadi kepada sesebuah negara yang turut tidak dapat mengelak daripada mengalami perubahan ini.

Latar Belakang Kajian

Menurut Rahmat (2005) pada era globalisasi kini, dilihat bahawa teknologi telah menjadi pelengkap kepada tugas harian di sekolah setiap hari. Kementerian Pendidikan Malaysia

turut memperkenalkan TMK dalam pengurusan di pejabat-pejabat pendidikan dan khususnya di sekolah seperti keadah penyimpanan data melalui EMIS (*Education Management Information System*). Pendaftaran murid untuk menduduki peperiksaan contohnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) turut dilakukan melalui program komputer ini sejak tahun 2001. Pada tahun 2002, penggunaan TMK diperkenalkan program SMM (Sistem Maklumat Murid).

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk menyeru supaya pihak pentadbir dan pendidik sentiasa melengkapkan diri dengan peka terhadap perkembangan teknologi semasa. *You're further ahead than some of the things I've seen even in the United States* (Jorge Paolo Lemann, KPM 2016/2017). Menyatakan bahawa teknologi amat penting ini adalah disebabkan negara-negara maju seperti Jepun, China, Korea telahpun menggunakan teknologi sebagai pengurusan pentadbiran mahupun dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknologi telah digunakan di negara-negara maju inikan pula pendidikan masa kini yang banyak perubahan dan peningkatan harus seimbang dengan peredaran masa. Kebanyakan sekolah memasang CCTV di sekolah untuk memerhatikan perkembangan di sekolah setiap hari. Pusat sumber sekolah mula menggunakan perisian program untuk merekod kedudukan buku dan butiran murid. Semua ini adalah merupakan Inovasi yang berlaku di setiap sekolah di Malaysia dalam usaha membangunkan Teknologi di sekolah masing-masing.

Efikasi sendiri merupakan konstruk yang dipelopori oleh Bandura menerusi teori kognitif sosial. Menurut Bandura (1993), efikasi sendiri adalah kepercayaan dan keyakinan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan serangkaian tindakan yang diperlukan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki. Beliau mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan individu. Kajian ke atas efikasi dalam konteks pengajaran mula diteroka pada tahun 1966 oleh "Rand Corporation". Bandura (1995) juga menyatakan bahawa definisi efikasi sendiri akan menjadi lebih jelas jika efikasi sendiri dapat membentuk kesungguhan individu untuk merancang, merangka strategi dan menjalankan tugas secara berkesan. Dalam kajian ini, efikasi sendiri guru merujuk kepada pertimbangan seseorang itu terhadap kemampuannya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru.

Fokus terhadap pembangunan profesionalisme guru sebagai faktor penyumbang ke arah penambahbaikan sekolah untuk jangka panjang telah mula diberi perhatian di Amerika sejak tahun 1980an (Glassford & Salinitri, 2007). malah, Switzerland, Jepun, New Zealand, China dan Perancis telah membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru yang dimulai dengan proses induksi yang komprehensif dan terancang sejak lebih 25 tahun yang lalu. Program induksi ini telah dijadikan satu agenda nasional secara global dan para penyelidik bidang pendidikan secara umum mendapati program pembangunan untuk guru baharu bukan sahaja dapat memberi sokongan malah dapat meningkatkan pengetahuan dan profesion guru yang lebih baik dan cemerlang. (Duke *et al.*, 2006; Norasmah Othman *et al.*, 2007; Russell *et al.*; 2002).

Masalah Kajian

Menurut Steven dan Paul (2006). Bidang Pendidikan telah 'menghasilkan' ramai pendidik yang digelar sebagai guru dan berkhidmat di jabatan pendidikan (sekolah). Namun, adakah

semua guru yang bertugas dapat menunjukkan profesionalisme keguruan mereka. Istilah profesionalisme dalam bidang keguruan telah menjadi perhatian dan didebatkan oleh pelbagai pihak. Dalam perdebatan ini, banyak kajian profesionalisme keguruan dengan sedihnya membuat kenyataan bahawa tugas mengajar “tidak begitu” professional dari segi kesediaan mengajar. John Goodland dalam bukunya *Teacher for Our nation's Schools* (1990) menulis “*The conditions necessary to a profession simply have not been a part of either teacher education or the teaching enterprise*” (Steven and Paul, 2006). Ini bermakna kewibawaan guru untuk mencapai tahap professional tidak cukup tinggi dan dipersoalkan.

Profesionalisme keguruan tercabar lagi apabila terdapat sesetengah pengkritik yang membandingkan profesion guru dengan profesion peguam, doktor, jurutera dan lain-lain. Perbandingan dibuat berdasarkan kepada nilai kerja mereka. Bidang profesionalisme mementingkan nilai, kepercayaan dan sikap dalam tugas mereka untuk memenuhi kehendak pelanggan. Justeru, profesion guru terus dipersoal. Profesion guru dikatakan akan membuat apa yang diarah. Mereka tidak diberi peluang untuk mengembangkan inisiatif individu yang mungkin boleh ‘menggoncangkan kapal’ organisasi sekolah. Terdapat juga kritikan mengatakan profesionalisme keguruan jarang berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Mereka lebih membimbangkan tentang kenaikan gaji, keadaan kerja dan peluang kerjaya dalam professional pendidikan (Carr, 2000). Justeru itu guru terus dilabel ‘*unprofessional*’.

Menurut Kaori dan Motonori (2006). Kreteria profesionalisme keguruan berbeza-beza mengikut negara masing-masing. Di negara Jepun program penilaian prestasi guru telah diwujudkan sejak permulaan zaman Konservatisme dan Tentangan Liberal pada tahun 1948. Di bawah skim ini, pengetua akan menilai kerja setiap guru berdasarkan 46 kriteria seperti pengurusan bilik darjah, bimbingan murid dan kerja perkeranian. Dilihat kriteria diatas tidak mempunyai jarak perbezaan yang besar. Namun, perubahan globalisasi kini telah mencabar profesion guru. Banyak isu dan laporan yang disiarkan dalam media massa telah menjatuhkan martabat profesion keguruan. Guru dikatakan mengalami keadaan yang ‘tenat’ akibat terlalu banyak tanggungjawab telah diberikan. Guru terpaksa melaksanakan kerja-kerja dari segi perancangan untuk mengajar, pengajaran, kerja-kerja perkeranian, kegiatan kokurikulum, menghadiri mesyuarat dan melaksanakan kerja *ad hoc*. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakpuasan bekerja dikalangan guru kerana merasa diri mereka dalam kelesuan. Perkara ini amat serius kerana ia akan menyumbang kepada *stress* dan *burn out* dikalangan guru di sekolah.

Objektif Kajian


Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan di atas, objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mengetahui pasti perbezaan tahap pengaruh inovasi teknologi sekolah luar bandar di Sabah.
- b. Mengetahui pasti perbezaan tahap peranan pentadbir sekolah luar bandar di Sabah.
- c. Mengetahui pasti perbezaan tahap kesediaan guru sekolah luar bandar di Sabah.
- d. Mengetahui pasti perbezaan tahap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah.
- e. Mengetahui pasti perbezaan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah berdasarkan faktor demografi.

- f. Mengetahui pasti hubungan antara pengaruh inovasi teknologi dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah.
- g. Mengetahui pasti hubungan antara peranan pentadbir dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah.
- h. Mengetahui pasti hubungan antara kesediaan guru dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah.
- i. Mengetahui pasti pengaruh inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru terhadap profesionalisme sekolah luar bandar di Sabah.
- j. Mengetahui pasti hubungan dan pengaruh langsung variabel bebas pengaruh inovasi, peranan pentadbir dan kesediaan guru terhadap variabel bersandar profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah melalui model struktur yang dibangunkan.

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru terhadap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. Sebelum konseptual kajian dirangka, pembinaan konstruk kajian telah dilakukan terlebih dahulu dengan berpandukan sorotan literatur dan kupasan kajian lepas, model dan teori yang digunakan menyelidik terdahulu. Konstruk kajian ini adalah seperti jadual di bawah.



Rajah 2.10: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kajian ini, penyelidik menetapkan profesionalisme keguruan adalah sebagai variable bersandar, manakala inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru merupakan variable-variabel kajian. Variabel profesionalisme keguruan terdiri daripada konstruk keyakinan kerja, pengalaman kerja dan kepuasan kerja. Berdasarkan penelitian kajian lepas, variable ini dikonseptualisasikan mempunyai hubungan dan menerima pengaruh sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada variable-variabel bebas kajian iaitu inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru. Inovasi teknologi, ialah variable bebas yang pertama dengan menyenaraikan konstruk, umum teknologi, pengurusan sekolah berdasarkan teknologi dan pdpc berkaitan dengan teknologi yang diketengahkan oleh beberapa model yang berkaitan iaitu Penggunaan TMK dalam penyelesaian Tugas, oleh Steven (2007), model

pengetahuan teknologi oleh Mihra & Koehler, (2006) dan model Implementasi ICT dalam pengurusan sekolah, oleh Yuen, Law dan Wong (2003). Variabek ini secara konsepnya mempunyai pengaruh sama ada secara langsung dan tidak langsung dengan peranan pentadbir, kesedian guru dalam profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. Kajian ini juga menetapkan peranan pentadbir sebagai variable kajian yang kedua. Variabel ini juga mengutarakan secara umum konstruk kolaborasi, kepimpinan dan berkomunikasi. Variable ini juga mempunyai hubungan dan pengaruh secara langsung atau tidak langsung terhadap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah.

Variabel kajian yang ketiga iaitu kesedian guru, di mana kosntruk umumnya juga berkaitan dengan kepuasan kerja, pengalaman kerja dan keyakinan kerja. Sebagai variable bebas ketiga, mempunyai hubungan dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. Variable ini mempunyai tiga konstruk iaitu kepuasan kerja, pengamalan kerja dan keyakinan kerja. Umumnya kreteria dalam kesedian guru ini adalah seperti Keinginan, kepercayaan, sikap dan niat individu. Perubahan, penerimaan, sokongan pentadbir, kesiapsiagaan guru mengawal tingkah laku, menekankan aspek akauntabiliti murid, penguatkuasaan peraturan, penegasan kepatuhan murid, dan kepelbagaian reaksi guru. Mewujudkan prosedur harian, menyusun bahan pengajaran yang sesuai dan menarik minat murid, peka terhadap keadaan murid dan persekitaran bilik darjah dan persekitaran sekolah serta mengawal kelancaran, mempelbagaikan aktiviti, dan menilai hasil kerja murid.

Aspek demografi khususnya jantina, umur dan pengalaman mengajar turut diberi perhatian oleh penyelidik dan diselidiki melalui kajian ini. Aspek demografi diuji memandangkan wujudnya perbezaan berdasarkan jantina, umur dan pengalaman mengajar dalam kajian -kajian sebelumnya. Walaubagaimanapun kekurangan sokongan literatur dan teori yang benar-benar jitu, namun masih terdapat kajian-kajian yang memperoleh dapatan yang hampir serupa dan memadai sebagai perbandingan bagi ketiga-tiga variabel tersebut.

Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis nol dalam kajian ini seperti berikut berikut:

- Ho¹ Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah berdasarkan jantina.
- Ho² Tidak terdapat perbezaan yang signifikan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah berdasarkan umur.
- Ho³ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah berdasarkan pengkhususan.
- Ho⁴ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah berdasarkan kelulusan akademik.
- Ho⁵ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho⁶ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh inovasi teknologi dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah
- Ho⁷ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peranan pentadbir dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah
- Ho⁸ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dengan profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah

- Ho9 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor peramal (pengaruh inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru) terhadap profesionalisme sekolah luar bandar di Sabah.
- Ho10 Tidak terdapat hubungan langsung antara pemboleh ubah bebas pengaruh inovasi, peranan pentadbir dan kesediaan guru terhadap pemboleh ubah bersandar profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah melalui model struktur yang dicadangkan.

Metodologi

Pemilihan reka bentuk kajian ini harus bersesuaian dengan objektif, soalan kajian, saiz populasi dan sample kajian, kedudukan geografi kajian dan banyak lagi faktor yang mempengaruhi dan perlu dipertimbangkan (Ghazali dan Sufean, 2016). Reka bentuk kajian ini juga melibatkan pengumpulan data dan pengukuran data sesuatu variable bagi menentukan pengaruhnya terhadap variabel yang lain (Johnson dan Christensen, 2000).

Penggunaan kaedah soal selidik berupaya untuk merangkumi sampel yang ramai dengan kos yang rendah menyebabkan perbandingan antara kajian akan menjadi lebih terperinci serta tahap objektif yang lebih tinggi (Sackman, 1991). Kebaikan soal selidik ini, pengkaji dapat mengumpul maklumat pada satu-satu masa dengan kos yang sederhana dan mudah dikendalikan (Mohd. Majid, 2009 dan Cohen, 2005). Penyelidikan ini sesuai untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan tingkah laku. Dengan itu kenyataan ini selaras dengan Mohd. Majid (2009) menyatakan kaedah soal selidik sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya daripada setiap responden di sekolah.

Kajian ini adalah berasaskan reka bentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Menurut Alias Baba (1999), statistik deskriptif digunakan untuk mengumpul data, menyusun dan mempersembahkan data itu. Disebabkan item dalam borang soal selidik adalah banyak, maka statistik ini dapat disimpulkan menggunakan indeks seperti min, sisihan piawai, Ujian-t dan Kolerasi Pearson-r. Manakala perbincangan adalah secara deskriptif dan inferensi. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif bagi mencapai objektif kajian.


Dapatan Kajian

Krejcie dan Morgan (1970), untuk populasi yang bersaiz 3500, saiz sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 346 responden. Oleh itu, bagi memenuhi jumlah sampel kajian yang dikehendaki seramai 400 orang guru akan diberikan borang soal selidik berkenaan dalam kajian sebenar. Bilangan ini adalah melebihi saiz sampel yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan bagi mengurangkan ralat pensampelan dalam kajian sebenar. Berpandukan jadual pensampelan Krejcie dan Morgan (1970), Pengiraan saiz sampel kajian dilakukan berpandukan formula penetapan saiz sampel yang telah ditetapkan.

Demografi

Maklumat demografi merupakan latar belakang responden yang dijadikan sampel dalam kajian ini. Maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya kegunaan kajian ini sahaja. Analisis latar belakang demografi melibatkan taburan jantina, umur, dan pengalaman mengajar responden.

Taburan Responden Kajian



Rajah 4.1 Prosedur Persampelan Rawak / Strata (40%) Berperingkat

Responden kajian ini terdiri daripada 346 orang guru yang mengajar di sekolah rendah harian biasa yang terletak di sekolah luar bandar di negeri Sabah. Berdasarkan jumlah taburan responden yang dinyatakan dalam Rajah 4.1 diatas menunjukkan bahawa setiap sekolah yang terpilih mempunyai sampel yang lebih daripada yang dicadangan minimum iaitu 30 orang (berkadaran 40%). Perincian responden bagi setiap bahagian Pejabat pendidikan daerah di negeri Sabah adalah seperti ini. Bahagian Utara sebanyak 55 orang (15.89%), Selatan 57 orang (16.47), Barat seramai 57 orang (16.47), Pedalaman 53 orang (15.31), Sandakan seramai 54 responden (15.60%) dan bahagian Tenggara seramai 70 orang dengan kadar (20.26%). Berpandukan bilangan responden, soal selidik yang dapat di kutip oleh penyelidik adalah sebanyak 346 daripada 400 bilangan instrumen yang diedar. Penyelidik mengedar lebih instrumen soal selidik kepada sekolah sekolah yang terpilih adalah disebabkan untuk mengelak daripada ralat persampelan. Bilangan 346 orang responden adalah memadai bagi tujuan perwakilan seluruh populasi guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah. Seperti yang terdapat dalam Rajan 4.1 di atas.

Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur, dan Pengalaman Mengajar

Berdasarkan analisis deskriptif yang dijalankan oleh pengkaji terhadap variabel jantina, umur dan pengalaman mengajar. Pengkaji telah mendapatkan data daripada analisis yang telah dijalankan menggunakan SPSS versi 23. dalam analisis deskriptif ini variabel jantina, didapati sebanyak 153 orang (44.2%) adalah guru lelaki, manakala selebihnya iaitu 193 orang (55.8%) merupakan guru perempuan. Bilangan guru perempuan adalah lebih ramai dalam kajian ini. Dari segi umur, sebanyak 121 orang (35.0%) adalah dari kumpulan umur 22 hingga 40 tahun, manakala bilangan 225 orang (65.0%) adalah berumur dalam lingkungan 41 tahun dan lebih. Kumpulan umur ini menunjukkan, responden yang berumur 41 tahun dan lebih adalah majoriti dalam kajian ini. Dari segi pengalaman mengajar, sebanyak 44 orang (12.7%) adalah dari kumpulan 1 hingga 5 tahun, sebanyak 25 orang (7.2%) adalah dari kumpulan pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun, seterusnya sebanyak 65 orang (18.8%) adalah dari kumpulan pengalaman mengajar 11 hingga hingga 15 tahun dan seterusnya sebanyak 210 orang (60.7%) adalah dari kumpulan umur 16 tahun dan ke atas. Berdasarkan kenyataan ini menunjukkan bahawa responden yang berkhidmatan 16 tahun dan ke atas adalah jumlah yang tertinggi diikuti oleh pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun, kemudian pengalaman 1 hingga 5 tahun dan yang terakhir bagi pengalaman mengajar ialah 6 hingga 10 tahun. Taburan responden mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar ditunjukkan dalam jadual 4.1.

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur dan pengalaman Mengajar

Demografi	Variabel	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	153	44.2
	Perempuan	193	55.8
Umur	22- 40 Tahun	121	35.0
	41 Tahun dan lebih	225	65.0
Pengalaman Mengajar	1 - 5 Tahun	44	12.7
	6 - 10 Tahun	25	7.2
	11 - 15 Tahun	65	18.8
	16 Tahun dan ke atas	210	60.7
JUMLAH			100

Kebolehpercayaan Alat Kajian

Dua aspek penting yang perlu ada dalam kajian ialah kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dijalankan oleh penyelidik, Mohd Najib Abd Ghafar (1999). Ujian kebolehpercayaan menggunakan analisis data *Cronbach's Alpha* terhadap bilangan sampel seramai 346 orang guru ($N=346$) telah dijalankan untuk memastikan ketekalan, kejituan antara item dan memastikan setiap item soal selidik yang digunakan oleh penyelidik mencerminkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Penyelidik menggunakan pekali *alpha* untuk melihat ketekalan antara item yang diukur. Soal selidik yang digunakan benar-benar mengukur variabel-variabel yang dikaji. Aspek ini dilakukan untuk mengkaji serta memastikan ujian inferensi dapat dijalankan dengan betul.

Jadual 4.4, menunjukkan keseluruhan nilai *alpha cronbach's* adalah lebih tinggi dari 0.800 sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Mohd. Majid Konting (2000) dan Sekaran (2006). Menurut Cohen *et al.* (2007) dan Hair *et al.* (2010) dalam kajian ini, instrumen dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi apabila sama atau melebihi 0.800. Dengan mengambil kira pandangan Cohen *et al.* (2007) dan Hair *et al.* (2010), maka dapatlah disimpulkan bahawa alat ukur kajian bagi semua variabel mempunyai ketekalan dalaman yang sangat tinggi serta boleh ditadbir.

Berdasarkan analisis data, kajian ini menunjukkan ujian kebolehpercayaan pada aras tinggi. Didapati pekali *alpha cronbach's* berada pada aras tinggi iaitu 0.968 bagi semua 113 item variabel-variabel yang dikaji. Nilai pekali *alpha cronbach's* bagi variabel pengaruh inovasi yang mengandungi 24 item adalah 0.911, variabel peranan pentadbir yang mengandungi 23 item berada pada nilai 0.911, variabel kesediaan guru adalah pada nilai 0.921 dengan item sebanyak 31, seterusnya variabel profesionalisme keguruan pada nilai 0.938 dengan 35 item. Analisis data kajian ini menunjukkan nilai pekali *alpha cronbach's* adalah *significant* iaitu variabel masing-masing mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai pekali *alpha cronbach's* bagi setiap variabel kajian ditunjukkan pada jadual 4.3.

Jadual 4.4: Ujian Kebolehpercayaan Alat Kajian (*Cronbach's Alpha*)

Variabel (IV & DV)	<i>N of items</i>	<i>Cronbach's Alpha</i>
Inovasi Teknologi (IV)	24	0.911
Peranan Pentadbir (IV)	23	0.911
Kesediaan Guru (IV)	31	0.921
Profesionalisme Keguruan (DV)	35	0.968
Jumlah Keseluruhan	113	0.968

Dapatan Kajian Deskriptif

